

# Malaysia seru semua pihak di Asia Barat segera redakan ketegangan

Serangan Israel di Lubnan, Syria serta Yaman usaha disengaja alih perhatian kekejaman di Gaza

Oleh **Essa Abu Yamin**  
essabuyamin@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia menggesa semua pihak di Asia Barat untuk segera meredakan ketegangan yang semakin meningkat dan menstabilkan rantau berkenaan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, tindakan agresif dan serangan berterusan oleh Israel ke atas Lub-

nan, Syria dan Yaman adalah usaha yang disengajakan untuk mengalihkan perhatian komuniti global daripada kekejaman dan tindakan genosid yang ganas terhadap rakyat Palestin di Gaza dan Tebing Barat.

"Peningkatan ketegangan berkenaan jelas bertujuan untuk memastikan pemimpin politik Israel yang sedia ada kekal berkuasa dan terlepas daripada hukuman, mengorbankan nyawa yang tidak bersalah demi kepentingan kerjaya politik seorang individu.

"Kita mesti segera mencegah kitaran tindakan dan reaksi yang berbahaya yang boleh menarik lebih banyak pihak ke dalam konflik berkenaan, seterusnya mendalamkan ketidakstabilan dan meluaskan skala kemusnahan," katanya dalam satu kenyataan.

Perdana Menteri berkata, Malaysia menggesa semua pihak

"Kita mesti segera mencegah kitaran tindakan dan reaksi berbahaya yang boleh tarik lebih banyak pihak ke dalam konflik berkenaan"

*Anwar Ibrahim,  
Perdana Menteri*

terbabit untuk mengambil tindakan segera bagi mengurangkan permusuhan dan mewujudkan keadaan diperlukan untuk elakkan konflik serantau yang lebih besar daripada meletus.

## Iran lancar peluru berpandu

Terdahulu, Iran menerusi Kor Pengawal Revolusi Islam (IRGC) melancarkan lebih 180 peluru



akhir dengan sejumlah besar peluru berpandu pihaknya dakwa berjaya dipintas.

Sebelum ini, tentera Israel mendakwa bahawa Iran mula melancarkan peluru berpandu ke kawasan Palestin yang diduduki rejim itu.

Dalam pada itu, tentera Israel menegaskan bahawa pasukan udaranya akan terus melancarkan serangan lebih besar di seluruh Asia Barat pada waktu malam selepas Iran menyerang Israel dengan puluhan peluru berpandu beberapa jam sebelumnya.

"Pasukan udara terus beroperasi sepenuhnya dan malam ini ia akan terus menyerang di Asia Barat dengan lebih besar seperti yang telah berlaku sepanjang tahun lalu," kata jurucakap tentera, Laksamana Muda Daniel Hagari dalam satu kenyataan, semalam.

berpandu balistik ke arah Israel pada malam kelmarin sebagai tindak balas terhadap pembunuhan pemimpin pejuang yang disokong Tehran, mencetuskan kebimbangan di seluruh wilayah dan ikrar untuk membalas dendam.

Tentera Israel mengumumkan perkara itu selepas kira-kira sejam serangan berkenaan ber-